

MALAYAN FORUM, 1949-1953: SUATU PERJUANGAN SIVIL ATAU POLEMIK ALIRAN?

MALAYAN FORUM. 1949-1953: A CIVIL STRUGGLE OR IDEOLOGICAL POLEMICS?

Ahamad Jama' Amin Yang
Institut Pendidikan Guru Kampus Darul Aman
Corresponding Author: jamaamin@ipda.edu.my

Abstrak

Makalah ini melihat perkaitan antara polemik ideologi demokrasi, sosialis dan komunis dalam gerakan nasionalisme di bawah *Malayan Forum*. Sehubungan itu, tiga aspek dibincangkan dalam memperincikan falsafah perjuangan *Malayan Forum* terutamanya disebalik latar belakang penubuhannya, matlamat dan visi dan pembabitan awal aliran komunis. Perbincangan ketiga-tiga aspek tersebut dapat merungkai polemik dan gagasan perjuangan awal *Malayan Forum* dalam usaha membawa budaya politik intelektual dalam kalangan ahli-ahlinya. Pada masa sama, penelitian perbincangan ini juga mengupas tindak balas kerajaan British terhadap penglibatan komunis dalam *Malayan Forum* di England. Situasi ini tidak dapat dielakkan kerana senario politik antarabangsa turut memberi impak terhadap gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Namun begitu, persaingan antara aliran-aliran yang ada mengheret *Malayan Forum* dalam satu bentuk agenda perjuangan terbuka yang memberi penekanan nilai-nilai kesejagatan berdasarkan konsep politik sivil. Makalah ini merupakan satu sisi yang berbeza dalam menjelaskan hubungan antara kebangkitan politik demokrasi, pengaruh sosialis dan komunis di Tanah Melayu, dan Singapura melalui gagasan yang dibawa golongan muda berpendidikan Barat.

Kata kunci: Sejarah politik Malaysia; *Malayan Forum*; Demokrasi; Sosialis; Komunis.

Abstract

This paper examines the link between democratic, socialist and communist ideology polemics in the nationalist movement under the *Malayan Forum*. In this regard, three aspects are discussed in refining the philosophy of the *Malayan Forum*, particularly in terms of the background of its establishment, goals and vision and early involvement of communist ideology. These three aspects will be reviewed in terms of polemics and ideas of the *Malayan Forum* in the early years. This is crucial to inculcate the ideology of intellectual politics to its members. At the same time, this discussion also highlighted the British government's response to communist involvement in the *Malayan Forum* in England. The situation is inevitable as the international political scenario also has an impact on the nationalism movement in Malaya. Nonetheless, competition among existing ideologies dragged the *Malayan Forum* into an open agenda that emphasized on the values of secularism based on civil political concepts. This paper presents a different side in explaining the links between the rise of democratic politics, socialist and communist influence in Malaya, and Singapore through ideas brought by Western-educated youth.

Keywords : History of Malaysian politics; *Malayan forum*; Democracy; Socialist; Communist.

PENGENALAN

Perkembangan gerakan nasionalisme dan pendemokrasian politik moden sebahagian besarnya banyak disumbangkan oleh watak-watak politik yang mendapat pendidikan di luar negara khususnya di Barat. Dalam kebangkitan gerakan nasionalisme moden di Tanah Melayu, peranan *Malayan Forum* (MF) antara organisasi gerakan pelajar yang mencetuskan konstruksi budaya politik tersebut. Penubuhan MF membawa perubahan dalam pembudayaan gerakan nasionalisme yang memberi perhatian kepada penyatuan bangsa, kebebasan dan membina negara Tanah Melayu yang demokratik.² MF dianggap ejen politik moden yang memberi laluan kepada suara golongan muda yang menuntut di United Kingdom untuk terlibat sama menyuarakan pandangan dan kritikan dalam usaha memberi tekanan kepada kerajaan British membebaskan Tanah Melayu daripada belenggu penjajahan.

Bentuk *political will* MF berbeza berbanding organisasi-organisasi gerakan pelajar di Tanah Melayu yang lain terutamanya dari sudut pemikiran, pendekatan dan aktiviti. Perbezaan MF ini dinilai melalui perbandingan perkembangan gerakan pelajar di Singapura di akhir tahun 1940-an yang dikaitkan secara langsung dengan aliran komunis. Dalam hal ini, Yeo Kim Wah dalam makalahnya menganggap gerakan pelajar di Singapura aliran pendidikan Inggeris dan Cina cenderung kepada pengaruh Parti Komunis Malaya (PKM)³ Malah pada masa sama mengaitkan beberapa pertubuhan gerakan pelajar di Kolej Raffles dan Kolej Perubatan King Edward VII dengan aktiviti radikal atau “*radical turned revolutionaries*” di bawah pengaruh *Anti-British League* (ABL) melalui cawangannya, *Singapore Anti-British League* (SABL) dan PKM.⁴ Interpretasi Yeo ini turut mempengaruhi tulisan Meredith Weiss yang menganggap pemimpin-pemimpin pelajar bukan Melayu ketika itu mulai cenderung kepada bentuk pemikiran politik yang tidak berpusatkan kepada politik kaum, tidak bersentimen primordial dan menekankan aspek egalitarianisme dalam perjuangannya.⁵ Weiss juga menganggap hubungan peribadi beberapa watak penting pemimpin-pemimpin pelajar Kolej Raffles, Kolej Perubatan King Edward VII dan Universiti Malaya seperti Eu Chooi Yip, James Putucheary, Lim Chan Yong dan Joseph Tan dengan pemimpin-pemimpin kanan PKM mendedahkan organisasi-organisasi gerakan pelajar di Tanah Melayu dan Singapura kepada pengaruh komunis.⁶

Senario hubungan komunis-gerakan pelajar di Tanah Melayu dan Singapura di akhir 1940-an memberi impak tanggapan berterusan kerajaan British terhadap MF di London. Keadaan ini telah membawa konflik dan polemik bukan hanya melibatkan sesama ahli MF, tetapi turut menarik perhatian kerajaan British untuk sentiasa ‘peka’ dengan perkembangan MF. Polemik ini membawa MF sentiasa dalam kedudukan ‘bersaing’ antara aliran sosialis yang cenderung kepada sosialis-demokratik dan komunis yang berteraskan pemikiran Marxisme. Dalam konteks politik British, persaingan ini juga seakan mewakili Parti Buruh British dan Parti Komunis British. Manakala bagi MF, persaingan dalaman ini lebih memaparkan bentuk aliran kiri yang dominan pada masa hadapan di Tanah Melayu. Tambahan lagi ia dianggap sebagai “pusat melatih bakal-bakal pemimpin” di Tanah Melayu dan Singapura melalui pendedahan yang diperolehi ahli-ahlinya sama ada dari induk pemikiran sosialis, komunis mahu pun liberal demokrasi. Rentetan itu, makalah ini akan membincangkan dinamika perjuangan nasionalisme yang diserapkan disebalik pergelutan dan persaingan aliran demokrasi, sosialis dan komunis dalam MF.

LATAR BELAKANG PERBINCANGAN

Dekad 1940-an sehingga 1950-an dianggap tempoh masa kritikal dalam gerakan nasionalisme di Tanah Melayu. Dalam tempoh ini, budaya politik di Tanah Melayu mula melibatkan partisipasi pelbagai peringkat dan kelompok dalam perjuangan menuntut kemerdekaan. Proses

partisipasi ini merupakan interpretasi baharu dalam pembentukan idealisme nasionalis berasaskan ‘demokrasi penyertaan’ (*participatory democracy*) yang menggabungkan elit politik tradisional dan bukan tradisional melalui kerangka politik intelektual. Kerangka politik intelektual ini merupakan manifestasi kesedaran politik (*political consciousness*) dan kesedaran kelas (*class consciousness*) yang membawa kepada usaha merubahkan budaya politik tempatan daripada fahaman politik parokial kaum kepada politik monolitik. Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan *Malayan Democratic Union* (MDU) antara dua parti politik terawal yang agresif membudayakan ‘demokrasi penyertaan’ di Tanah Melayu dan Singapura berasaskan politik intelektual melalui gerakan massanya dari ‘kelompok bawah ke atas’ yang memberi satu isyarat permulaan terhadap gabungan budaya politik kelas dan majmuk pada pertengahan 1940-an melalui Pusat Tenaga Rakyat-*All Malayan Council Joint Action* (PUTERA-AMCJA).⁷

MDU merintis usaha membangunkan kesedaran politik dan kelas di peringkat pendidikan tinggi melalui debat-debat politik yang diadakan sekitar tahun 1947 sehingga 1948 sama ada di Kolej Raffles atau Kolej Perubatan King Edward VII. Pada 5 Mac 1948 di Kolej Perubatan King Edward VII telah diadakan debat terbuka antara Philip Hoalim Sr (Presiden MDU)⁸ dengan S.C Goho (wakil kerajaan British di Singapura) berkaitan kecaman MDU terhadap isu-isu yang timbul dalam pilihan raya umum pertama di Singapura. Debat ini turut dihadiri Dr. Burhanuddin al-Helmy (PKMM) sebagai tanda sokongannya terhadap Philip Hoalim Sr dan MDU. Malah, J.R.B Towner (ahli Parti Komunis Great Britain) turut hadir nenzahirkan sokongannya terhadap Philip Hoalim Sr dan mengecam peraturan yang ditetapkan rejim koonial British dalam pilihan raya tersebut.⁹ Debat ini bukan sahaja mencetuskan kebimbangan kerajaan British terhadap MDU tetapi mereka turut gusar kesan jangka masa panjang yang diterima pemimpin-pemimpin gerakan pelajar sama ada di Kolej Raffles atau Kolej Perubatan King Edward VII (dikenali Universiti Malaya selepas kedua-dua kolej tersebut digabungkan). Kegusaran kerajaan British ini ada wajarnya kerana pada penghujung tahun 1940-an bilangan lulusan atau pemimpin-pemimpin pelajar Kolej Raffles dan Kolej Perubatan King Edward VII yang melanjutkan pengajian di universiti-universiti ternama di United Kingdom kian bertambah. Malah sebahagian besar watak-watak utama Kolej Raffles dan Kolej Perubatan King Edward VII ini telah menubuhkan Persatuan Pelajar-Pelajar Tanah Melayu United Kingdom (*Malayan Students Union*) dan Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu United Kingdom (*Malay Students Union*).

Impak yang berlaku di Singapura memberi tamparan berterusan kerajaan British dalam setiap aktiviti yang direncanakan MF di London. Dalam konteks ini, peranan MF meletakkan idealisme kelas dalam gerakan nasionalisme memberi kesan besar kepada gagasan demokrasi dan perjuangan anti-kolonialisme di Tanah Melayu. Secara tidak langsung, MF dilihat organisasi terawal yang cuba menterjemahkan prinsip Parti Buruh British terhadap negara-negara jajahannya, “*In all the areas under our control, we have abandoned the old type of capitalist imperialism [...] Imperialism is dead, but the Empire has been given new life*”.¹⁰ Namun begitu beberapa persoalan perlu dirungkai dalam menjelaskan gagasan dan perjuangan MF. Pertama, melihat siapakah watak-watak utama yang merancang disebalik penubuhan MF. Kedua, matlamat utama penubuhannya yang menimbulkan pelbagai polemik dalam organisasi tersebut, dan ketiga, hubung kait Lim Hong Bee dalam menentukan hala tuju perjuangan MF. Ketiga-tiga persoalan ini memberi kesan terhadap hala tuju MF sepanjang perkembangannya di peringkat awal.

DISEBALIK PENUBUHAN MALAYAN FORUM

Dalam buku memoir yang ditulis Lee Kuan Yew menyatakan sebahagian besar bekas penuntut Kolej Raffles memainkan peranan menubuhkan MF di London, England pada November

1949.¹¹ Kenyataan Lee tidak dinafikan atau disangkal dari perpektif fakta sejarah. Namun begitu, perbincangan ini perlu dikembangkan secara eksklusif dengan meninjau fungsi beberapa watak yang lain, termasuklah usaha beberapa pihak untuk mengaitkan MF sebagai ejen atau propaganda komunis dalam kalangan pelajar-pelajar Tanah Melayu dan Singapura di United Kingdom.¹² Penubuhan MF diasaskan oleh enam watak utama yang terdiri daripada Maurice Baker, Abdul Razak Hussein, Goh Keng Swee, Philip Hoalim Jr, Fred Arualanadom dan Mohamed Sophe Sheikh Ibrahim.¹³ Perbincangan awal untuk menubuhkan MF telah diadakan di flat kediaman Abdul Razak di Cornwall Garden, London.¹⁴ Goh Keng Swee telah dipilih sebagai Pengerusi pertama, manakala Mohamed Sophe dilantik sebagai Setiausaha. Pemilihan Goh dan Mohamed Sophe dianggap paling sesuai atas kapasiti pengalaman, kebolehan dan karekter kepimpinan kedua-duanya. Goh sebelum ini dikenali sebagai pelajar cemerlang di Kolej Raffles dan pernah bertugas sebagai tutor dikolej tersebut sebelum menyambung pengajiannya di *London School of Economic* (LSE) pada tahun 1948. Mohamed Sophe pula terlibat secara aktif dalam kesatuan buruh di Tanah Melayu sebelum menyambung pengajian di LSE pada tahun 1949 melalui biasiswa Pejabat Tanah Jajahan.¹⁵

Pemilihan Goh dan Mohamed Sophe telah dikemukakan secara bersama oleh Maurice Baker dan Abdul Razak dan dipersetujui oleh empat pengasas yang lain. Walaupun pada peringkat awal, Abdul Razak telah dicadangkan untuk menerajui MF, namun begitu beliau menolaknya.¹⁶ Hal yang sama juga berlaku kepada Maurice Baker dan beliau juga menolak tawaran tersebut. Baker dan Abdul Razak menolak tawaran tersebut atas beberapa faktor. Pertama, kedua-dua aktor tersebut adalah Presiden Persatuan Pelajar-Pelajar Tanah Melayu United Kingdom dan Presiden Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu United Kingdom. Sehubungan itu, mereka diperlukan untuk meneruskan memimpin kedua-dua organisasi pelajar tersebut supaya tidak berlaku pertindihan tugas dan konflik kepentingan yang lain. Tambahan lagi ini turut memberi kesan bebanan dalam pengajian mereka. Kedua, keupayaan dan kebolehan yang ada dalam karektor Goh dan Mohamed Sophe. Kedua-duanya terlibat secara langsung dalam dua organisasi besar di Tanah Melayu dan Singapura. Goh merupakan bekas pegawai perkhidmatan awam dan merupakan ahli akademik muda yang dihormati dalam kalangan pelajar di Tanah Melayu dan Singapura.¹⁷ Malah beberapa ahli terawal MF adalah bekas pelajarnya, termasuklah Lee Kuan Yew di Kolej Raffles.¹⁸ Manakala Mohamed Sophe adalah antara pemimpin kanan dalam *Pan-Malayan Federations of Trade Unions* (PMFTU) dan terdedah kepada dunia pengurusan organisasi buruh di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Maurice Baker, Abdul Razak Hussein, Goh Keng Swee, Philip Hoalim Jr, Fred Arualanadom dan Mohamed Sophe Sheikh Ibrahim telah mengemukakan beberapa idea masing-masing dalam menjustifikasikan penubuhan MF. Pada peringkat awal, Baker mencadangkan MF dibina atas struktur yang menggabungkan dua persatuan Tanah Melayu terbesar di United Kingdom iaitu Persatuan Pelajar-Pelajar Tanah Melayu United Kingdom dan Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu United Kingdom.¹⁹ Tujuannya adalah untuk menyatukan dua persatuan tersebut dalam satu organisasi induk bagi mengukuhkan suara pelajar-pelajar Tanah Melayu tanpa mengira kaum, agama dan kelas. Tambahan lagi pada waktu itu kesedaran politik di Tanah Melayu memerlukan satu bentuk *political equilibrium* dalam kalangan penggerak-penggerak nasionalis muda bagi memberi tekanan kepada rejim British membebaskan Tanah Melayu daripada belunggu penjajahan. Pandangan Baker ini juga dianggap sebagai satu bentuk kesinambungan “meMalayakan Tanah Melayu” dari kaca mata falsafah politik kelas melalui pendedahan pendidikan politik yang diperolehinya di England.²⁰

Cadangan Baker tidak dipersetujui oleh Abdul Razak. Bagi Abdul Razak pergerakan MF perlu berdiri atas kapasitinya sendiri, tanpa adanya hubung kait secara institusi dengan kedua-dua persatuan pelajar tersebut. Hal ini kerana kedua-dua persatuan pelajar tersebut mempunyai fungsi dan matlamat yang tersendiri, berbeza dengan MF yang mempunyai visi

dan pendekatan berlainan serta inklusif. Dalam hal ini, Abdul Razak menegaskan pendiriannya dengan menilai situasi tersebut seperti mana yang dijelaskan oleh Baker;

*There was no conflicts between the two unios. All the Malays belonged to the Malaysians Students Union also. But he thought that they should be separated and installed with the fervor to work hard, to roganise themselves and so on. He realized that they were a bit backward compared to the others. I wanted the two amalgamate. But he explained to me why it couldn't be done at that stage.*²¹

Penilaian Abdul Razak ini boleh dilihat berdasarkan beberapa tafsiran.²² Pertama, kedudukan geo-politik di Tanah Melayu dan Singapura pada waktu itu yang masih dalam kemelut persaingan perkauman. Keadaan ini dikhuatiri akan merebak dalam kalangan pelajar-pelajar Tanah Melayu dan Singapura di United Kingdom. Oleh itu, penubuhan sebuah organisasi persatuan berasaskan penyatuan kaum pada waktu itu hanya boleh dilaksanakan dalam keadaan ahli-ahlinya bersedia mengamalkan politik egalitarianisme atau pun politik sivil yang tinggi. Situasi ini yang dianggap tidak memungkinkan bentuk penyatuan amalgamasi persatuan pelajar-pelajar di United Kingdom pada waktu itu. Kedua, tekanan daripada kerajaan British yang ingin memastikan bentuk kesedaran politik masih dibawah lingkungan fahaman kaum dan dibawah 'kehendak British'. Dari sudut penilaian sejarah, tafsiran ini begitu hipotetikal dan seakan ironi bentuknya. Namun begitu, ini dapat dilihat bagaimana pemantauan yang ketat terhadap MF sebelum dan selepas penubuhannya. Sebarang pergerakan dan aktiviti MF sentiasa dipantau oleh pegawai-pegawai kerajaan British yang ditugaskan di Dewan Malayan di London.

*But the British appointed their own wardens-one was this fellow Barraclough who had been an ex-inspector of schools-to keep an eye on us. Naturally, any government would look out for the activities of student, especially those who had been through the Japanese Occupations and realized that the British were no longer invincible had been thrashed by Asians and soon. So we were, of course, watched.*²³

MATLAMAT INDUK MALAYAN FORUM

Pemantauan secara sistematik oleh kerajaan British ini ada kaitannya dengan matlamat khusus MF yang memberi perhatian kepada perkembangan nasionalisme secara intelektual berunsurkan pemikiran kelas dan juga dalam pembangunan politik sivil. Hal ini jelas seperti mana yang termaktub dalam matlamat yang ingin dicapai dalam perlembagaan MF;

- i) merangsang minat aktif dalam kalangan pelajar-pelajar Tanah Melayu di United Kingdom berkaitan masalah sosial, politik dan ekonomi Tanah Melayu, terutamanya dalam menuju kemerdekaan Tanah Melayu ke arah demokrasi berkerajaan sendiri.
- ii) medium bagi pelajar-pelajar pelbagai kaum Tanah Melayu menyuarakan pandangan mereka yang bebas dan membantu untuk membina asas perpaduan negara.
- iii) mendedahkan pelajar-pelajar Tanah Melayu dengan peluang yang disediakan dalam memahami hal ehwal antarabangsa.
- iv) memupuk dalam kalangan pelajar-pelajar Tanah Melayu yang bertanggungjawab dari sudut sosial dan meningkatkan kualiti kepimpinan dan watak.²⁴

Matlamat MF ini memberikan satu pemahaman induk dari sudut budaya dan pendekatan nasionalisme yang memberi keutamaan dalam pendidikan politik melalui wacana tanpa mengaitkan sentimen kaum.

The Malayan Forum was formed exactly a year ago to meet this need. As the name implies, it is a clearing house of ideas rather than a political party. The Malayan Forum does not pretend to have at this stage, a cut and dry programme for Malaya which it proposes to present to Malayan students in Britain for their endorsement. The Forum is intended to provide and creeds---Malays, Chinese, Indians and Eurasians---to present their considered points of view. Thus a basic of understanding between the main races of Malaya may be reached by frank and open discussion. Outstanding differences may be dissolved instead of being allowed to lie hidden as danger points of potential disharmony as has hitherto been the practice.²⁵

Visi ini yang dianggap agak mengelirukan apabila dikaitkan dengan kerajaan British. Hal ini kerana perjuangan nasionalisme yang dipupuk MF menimbulkan persoalan tentang pandangan kerajaan British terhadap gerakan tersebut. Dari satu sudut, peranan MF ini disambut baik oleh kerajaan British melalui Parti Buruh British dan *Fabian Colonial Bureau*. Malah dalam keluaran pertama *Suara Merdeka (Voice of Freedom)* pada bulan November 1950, E.G Farmer (wakil Parti Buruh) yang juga Pegawai Komanwel menganggap MF sebagai, “[...] bringing together Malayan students of all races and differing political affiliations for the discussions of political question in a liberal atmosphere. May it long continue to so”.²⁶ Pandangan yang sama juga dikongsi oleh Sir Malcom McDonald melalui kata alu-aluannya dalam *Suara Merdeka*. Sir Malcom McDonald dipercayai juga merupakan ahli Parti Buruh dan pendukung aliran Fabianisme.²⁷ Sebahagian besar kepimpinan tertinggi MF juga menganggotai Parti Buruh. Ini termasuklah Maurice Baker, Abdul Razak Hussein, Goh Keng Swee, Mohamed Sophe dan Lee Kuan Yew.

Namun begitu, dari sudut yang lain bagi pihak kerajaan British, kecenderungan budaya politik yang dicetuskan oleh MF mampu memberi kesan kepada bentuk perjuangan nasionalisme di Tanah Melayu dalam jangka masa panjang.²⁸ Keadaan ini secara tidak langsung menimbulkan kebimbangan kerajaan British. Kebimbangan kerajaan British ini ditafsirkan dalam dua faktor utama. Pertama, pendekatan politik intelektual yang dibawa MF dibimbangi memberi impak dari sudut budaya politik di Tanah Melayu beralih dari bentuk persaingan kaum kepada persaingan sivil atau kelas. Kedua, perkembangan pengaruh komunis melalui peglibatan sebahagian kecil ahli MF dalam organisasi pro-komunis di London khususnya. Dari sudut ini, kerajaan British dilihat memberi tumpuan dalam sebarang aktiviti yang dianjurkan oleh MF. Penumpuan ini adalah bagi memastikan tiadanya penglibatan “watak-watak komunis” dalam aktiviti yang diadakan.

LIM HONG BEE, KONFLIK KOMUNISME DAN TINDAK BALAS BRITISH

Pengharaman PKM pada tahun 1948 bukan sahaja memberi impak pergolakan politik dan keselamatan di Tanah Melayu dan Asia Tenggara, tetapi turut memberi kesan terhadap pengaruh perkembangannya di United Kingdom. Usaha dalam kalangan mereka yang mendukung aliran komunisme, terutamanya golongan terpelajar yang berpendidikan Inggeris di Tanah Melayu semakin menular di England. Lim Hong Bee dianggap sebagai aktor komunis yang bergerak sebagai ejen propaganda dalam usaha menarik sokongan pelajar-pelajar Tanah Melayu menyertai gerakan komunis.²⁹ Ia memberikan satu gambaran bahawa usaha yang dijalankan oleh Lim Hong Bee seolah-olah mendapat dukungan penuh daripada Parti Komunis British melalui peruntukan kewangan dan medium media cetak.³⁰ Lim Hong Bee digambarkan

sebagai perancang utama dengan bantuan beberapa rakannya dari ABL menyusup masuk dalam MF.³¹ Malah usaha ini dilakukan sejak awal lagi sebelum penubuhan MF, melalui hubungan peribadi Lim Hong Bee dengan beberapa pemimpin pelajar seperti Maurice Baker, Lee Kuan Yew, Wan Abdul Hamid Wan Salleh dan Mohamed Sophe.³²

Persoalan yang timbul adakah Lim Hong Bee berjaya menyusup masuk pemikiran komunisme sepenuhnya dalam MF?. Persoalan ini yang perlu dibincangkan secara teliti dan cermat. Berdasarkan tafsiran awal sumber-sumber British, pengaruh Lim Hong Bee dianggap berkembang secara tidak langsung dalam MF.³³ Perkembangannya agak terbatas pada peringkat awal iaitu sekitar tahun 1949 sehingga 1952. Namun ia berubah selepas penglibatan penuh John Eber dalam kepimpinan tertinggi MF penghujung 1953.³⁴ Seperti mana yang dinyatakan sebelum ini, kerajaan British memberi tumpuan yang mendalam terhadap MF terutamanya risiko penyerapan masuk pengaruh komunis. Malah pada masa yang sama beberapa watak penting dalam MF mempunyai pandangan kontra terhadap fahaman komunis dan ini yang ditonjolkan Baker, Abdul Razak dan Goh. Begitu pun, pada masa yang sama MF mempunyai falsafah yang jelas dalam wacana perjuangannya iaitu kebebasan ahli-ahlinya dalam mengemukakan ideanya, walaupun ia bertentangan dengan prinsip organisasi, selagi mana pandangan tersebut disuarakan oleh rakyat Tanah Melayu yang berada di United Kingdom.³⁵ Hal ini jelas seperti mana yang termaktub dalam matlamat kedua perlembagaan MF. Jadi tidak mustahil berlakunya interaksi dan komunikasi antara kedua-dua pihak sama ada ianya bermula daripada Lim Hong Bee atau mana-mana ahli-ahli MF yang lain.

Peranan Lim Hong Bee mula diberi perhatian secara serius oleh British sejak Mei 1947. Berdasarkan rekod British, peranan Lim Hong Bee dalam kalangan pelajar digerakkan secara tersusun melalui *National Union of Students* (NUS), iaitu sebuah organisasi gabungan pelajar universiti-universiti seluruh United Kingdom.³⁶ Melalui platform NUS, Lim Hong Bee mula menjejaki pemimpin pelajar Tanah Melayu melalui dana yang disumbangkan daripada Parti Komunis British. Pada tahun 1949, NUS telah menganjurkan lawatan ke Budapest, Hungary menghadiri *World Federation of Democratic Youth Conference* (WFDYC) yang disertai oleh beberapa pelajar Tanah Melayu dengan kos yang perlu dibayar setiap seorang hanya £23.³⁷ Bagi Baker, peluang tersebut amat rugi dilepaskan dan perlu direbut berdasarkan kos bayaran yang perlu dibayar oleh setiap pelajar adalah murah berbanding kos yang sebenarnya.³⁸ Persidangan ini dinaungi oleh organisasi komunis antarabangsa yang menghimpunkan golongan pemuda dan pelajar di seluruh dunia. Semasa persidangan tersebut dipercayai Lim Hong Bee cuba menarik perhatian sebahagian besar pimpinan pelajar Tanah Melayu untuk menyertai gerakan komunis di London. Seramai lima belas sehingga dua puluh pelajar Tanah Melayu menyertai persidangan tersebut, antaranya beliau, Goh Keng Swee, Fred Arualanadom dan Dennis Lee Kim Yew (abang Lee Kuan Yew).³⁹

Bagaimanapun, Baker menganggap WFDYC lebih kepada lawatan (*tour trip*) dan beliau mendakwa tidak terpengaruh dengan usaha Lim Hong Bee, walaupun ditawarkan biasiswa untuk melanjutkan pengajian di Moskow, Rusia. Malahan Baker tidak mengetahui WFDYC ditanggung sepenuhnya oleh Parti Komunis British. Menurut Baker, “ [...] *we didn't know was that this had been subsidised by the Communists [.....] we had never fought a day against the British, but nevertheless, you couldn't disillusion them* ”.⁴⁰ Begitu pun bagi kerajaan British, penyertaan pemimpin-pemimpin pelajar Tanah Melayu dan Singapura dalam persidangan tersebut dan lawatan ke Eropah Tengah ini dianggap sebagai *turning point* pandangannya terhadap hubungan MF dengan gerakan pro-komunis di London. Dalam surat yang ditulis John D. Higham, Pegawai Pejabat Tanah Jajahan kepada Sir Franklin Gimson, Gabenor Singapura menjelaskan kerisauan dan perhatian mereka terhadap isu tersebut.

I believe a warning is already given to people about “consorting with Communist” (arising out of visits to Central European youth rallies by Goh Keng Swee and others).

*But you will, I am sure, be alive to the danger of attempting to confine them too closely and giving them the impression that they were not to be trusted with new ideas, and my own inclination would be to tell them informally that Government realise they are likely to get drawn into discussions regarding the future of their country [...].*⁴¹

Justeru tidak menghairankan apabila sekembali Baker dari Budapest, kerajaan British mula sangsi dengannya, malah beliau disyaki cenderung terhadap gerakan komunis. Pejabat Tanah Jajahan melalui Jabatan Asia Tenggara menghantar J.L. Keith (Pengaruh *Colonial Scholars*) untuk menyiasat tuduhan tersebut. Namun begitu tiada bukti yang kukuh dapat mengaitkan Baker dengan gerakan komunis. Malah Baker dengan penuh yakin menegaskan, “*I was never a Communist. I was very left-wing, yes, but never a Communist*”.⁴² Dalam isu ini, Baker mendapat sokongan penuh daripada rakan-rakannya terutamanya Abdul Razak Hussein yang sentiasa bersama-samanya menentang British dalam pertemuan atau mesyuarat rasmi yang diadakan dengan pegawai-pegawai British berkaitan ketidakadilan British menjaga kebajikan dan hak pelajar-pelajar Tanah Melayu di United Kingdom.⁴³

Namun usaha Lim Hong Bee tidak terhenti setakat itu. Beliau meneruskan beberapa perancangan lain terutamanya melalui penyertaan beberapa pendukung ABL dalam MF sekitar tahun 1950 sehingga 1952. Usaha ini dibawah pengetahuan kerajaan British yang sentiasa memantau pergerakan Lim Hong Bee dan rakan-rakannya di United Kingdom. Penglibatan secara langsung Gladys Lim Cheow Hua dalam MF sebagai ahli sekitar tahun 1950 dianggap sebagai percubaan awal untuk meletakkan pengaruh komunisme secara struktural dalam organisasi tersebut. Gladys Lim dikenali sebagai pembantu kanan Lim Hong Bee dan beliau juga bertindak sebagai *editor managing* kepada *Malayan Monitor*. Dalam rekod British, Gladys Lim menjadi salah seorang ahli jawatan kuasa kepimpinan tertinggi MF dari tahun 1951 sehingga 1956.⁴⁴ Selain Gladys Lim, Wan Abdul Hamid Mohamed Salleh, pelajar cemerlang berbangsa Melayu yang menerima biasiswa kerajaan negeri Johor juga turut mempunyai hubungan rapat dengan Lim Hong Bee. Beliau tidak menganggotai ABL secara langsung, tetapi Wan Abdul Hamid adalah antara pelajar Tanah Melayu yang berjaya direkrut oleh Lim Hong Bee di London. Beliau juga adalah antara salah seorang sidang editor *Malayan Monitor* dan merupakan adik ipar kepada John Eber.⁴⁵ Wan Abdul Hamid telah menganggotai MF sejak tahun 1950 dan beliau telah terpilih sebagai salah seorang ahli jawatan kuasa tertinggi MF sejak tahun 1950 sehingga 1954.

Sekitar tahun 1950, MF dipercayai telah mengundang Gerald de Cruz untuk terlibat dalam sesi wacana politiknya. Wacana tersebut mendapat tentangan dan tidak diluluskan oleh kerajaan British yang menganggap program tersebut merupakan satu bentuk wacana subversif. Kerajaan British menganggap de Cruz salah seorang pejuang pro-komunis bersama-sama Lim Hong Bee dan Lim Kean Chye. Melalui F.C. Baraclough, penjaga asrama Dewan Malayan, usaha untuk membatalkannya telah digiatkan termasuklah tidak membenarkan sesi wacana tersebut diadakan di Dewan Malayan. Namun begitu, ini menimbulkan reaksi kurang senang pimpinan tertinggi MF dan menggugat kerajaan British, “*[...] So we told him (Baraclough), “Okay, you forbid us. We are going to carry posters and banner and march to Trafalgar Square to make our protest”*”.⁴⁶ Situasi ini memberi tekanan dan menimbulkan kekusaran terhadap kerajaan British. Kesannya, kerajaan British telah membenarkan program tersebut diadakan di Dewan Malayan.

Sepanjang tahun 1950 sehingga 1952, pendekatan kerajaan British dalam menangani perkembangan pengaruh komunis lebih tertumpu kepada usaha pencegahan dan tidak menekankan elemen kekerasan. Dua faktor yang mempengaruhi pendekatan British pada masa itu. Pertama, sebahagian besar kepimpinan tertinggi MF adalah kelompok yang cenderung kepada *non-Marxian Socialism*, iaitu aliran yang mendukung pemikiran politik berasaskan sosial demokrasi atau demokratik sosialisme. Kenyataan ini diakui sendiri oleh kerajaan British

terutamanya yang menyentuh tentang salah seorang pengasas MF, “*The driving spirit of the forum is however Philip Hoalim Jr, who keeps in the background. Although he is not known to be a Communist, he holds extreme left-wing views*”.⁴⁷ Malah dalam salah satu artikel *Suara Merdeka* yang ditulis oleh Omar Salleh menggambarkan bentuk pemikiran sosialis yang dibawa oleh MF. Artikelnya yang bertajuk *The Fight Against Communism* jelas menilai masalah politik dunia terutamanya yang melibatkan pertarungan ideologi komunis yang memberi kesan secara berterusan perkembangan ekonomi-politik dan demokrasi di negara-negara membangun seperti mana yang dikupaskan oleh Omar Salleh;

*In a fight against Communism, a full stomach with a confused and suspicious mind above it is about as effective as an unloaded gun. If the West preaches democracy, it must practice democracy. In this way alone can the peoples of the Far East be converted.*⁴⁸

Jalur ini berbeza dengan fahaman komunisme yang rata-ratanya cenderung ke aliran *Marxian Socialism* sama ada yang berpusat kepada Lenin atau Moa Tse Tung. Kedua, bentuk ancaman dari sudut keselamatan domestik yang dianggap tidak begitu memberi impak ketara di United Kingdom. Keadaan ini ada kaitannya dengan matlamat gerakan komunisme tersebut lebih cenderung kepada meningkatkan partisipasi dan kesedaran politik dalam perkembangan gerakan anti-kolonial di Tanah Melayu dan tidak bersifat membina perjuangan politik lokalistik di United Kingdom. Tambahan lagi persekitaran politik pra-kemerdekaan di Tanah Melayu memerlukan pendekatan komunisme yang berbeza berbanding di United Kingdom yang cenderung kepada kerangka perundangan dan perlembagaan seperti mana yang diulaskan Sir Franklin Gimson;

*The difficulty is, of course, that Communis in Malaya means something very different from Communism in England. Here is associated with violence and disorder whereas in England the Communists outwardly act in a constitutional manner.*⁴⁹

Dalam konteks ini, beberapa siri perbincangan berterusan diadakan dalam usaha memastikan keyakinan kerajaan British terhadap MF dan begitu sebaliknya. Hal ini menampakkan keseriusan barisan kepimpinan tertinggi MF bagi memastikan wujud kerjasama berterusan pihaknya dengan kerajaan British dalam memastikan keberlangsungan gerakan kemerdekaan secara demokrasi dan sistematik. Perbincangan dan kerjasama ini penting kerana sebahagian besar barisan kepimpinan MF adalah pemegang biasiswa kerajaan British dan merupakan dalam kalangan kelompok intelligensia muda di Tanah Melayu dan Singapura.⁵⁰ Tambahan lagi, kerajaan British yakin mampu mengawal gerakan komunisme di bawah pimpinan Lim Hong Bee. Sepanjang tahun 1949 sehingga 1952, pemantauan khusus dan berkala dilakukan oleh kerajaan British sama ada melalui Pejabat Tanah Jajahan atau pun Cawangan Khas Polis di England. Keyakinan ini dapat dilihat melalui surat J.L. Keith yang jelas menyatakan kemampuan stafnya mengawal keadaan pelajar-pelajar Tanah Melayu di *Malayan Hall*, “*The atmosphere at Malaya Hall is good and there is no indication that the students there fall under communistic influences. Indeed, Malaya Hall is one of the bulwarks against communism [...]*”.⁵¹

Siri surat penerangan, pemakluman dan pengesahan dihantar sama ada melalui Pejabat Tanah Jajahan British, Cawangan Khas Polis di London atau Pejabat Pesuruhjaya Tinggi di Kuala Lumpur menjelaskan kedudukan dan pengaruh komunis dalam MF. Bagi kerajaan British, strategi sesuai menangani MF adalah melalui pendekatan psikologi, pengikhtirafan, kerjasama dan bentuk komunikasi politik yang dijalinkan. Pendekatan ini yang diterjemahkan oleh Woodrow Wyatt, ahli Parlimen British dari Parti Buruh yang dianggap antara ‘politikus’

yang mempunyai keupayaan komunikasi politik yang cukup efektif dalam menjalinkan hubungan diplomatiknya dengan MF.⁵² Usaha menterjemahkan pendekatan ini diperkukuhkan lagi melalui kenyataan John D. Higham yang menjelaskan;

*I regard it as very important that we should do everything possible to see that the students have reliable information and that we should show them, by giving heed to their views and treating them seriously, that we regard them as reasonable human beings who are perfectly entitled to differ from official policy without being treated as communists.*⁵³

Begitu pun pada masa yang sama Peter Smithers, ahli Parlimen British telah menerima surat bantahan daripada beberapa wakil Universiti Southampton yang tidak bersetuju dengan perjumpaan yang dianjurkan di bawah *The Socialist Society* universiti tersebut pada 4 Mac 1952 yang memberi ruang kepada Lim Hong Bee terlibat sama. Dalam perjumpaan tersebut, Lim Hong Bee menyuarakan pandangannya mengkritik dasar imperialisme dan penindasan British serta menerangkan perkembangan perjuangan anti-kolonial dibawah pimpinannya di United Kingdom. Berikutan bantahan tersebut, Smithers telah memaklumkan secara rasmi kepada Sir Oliver Lyttelton, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan British dan memohonnya mengambil tindakan tegas dalam usaha mengawal pergerakan Lim Hong Bee di seluruh England.⁵⁴

*This gentleman is apparently the country giving talks on the Malayan situation; he gave the Southampton University the usual denunciation of imperialism, plus accusations of ill-faith; that the British started the Malayan war; that our troops comitted widespread atrocities; etc.*⁵⁵

Isu ini diambil perhatian oleh Sir Oliver Lyttelton. Namun dalam masa yang sama diakui agak sukar untuk mengambil tindakan terhadap Lim Hong Bee kerana beliau masih bertindak dalam kerangka yang dibenarkan oleh perundangan kerajaan British dan beliau juga merupakan warganegara British yang dilindungi oleh peruntukan perlembagaan. Sir Oliver Lyttelton dalam surat balasnya kepada Peter Smithers menjelaskan, “*Both the Colonial Office and the Home Office are well a ware of his activities; but unfortunately he is a British subject and while he is in this country nothing can be done about him provided that he keeps within the law*”.⁵⁶ Secara tidak langsung, isu komunisme dalam MF yang dicanangkan kerajaan British dilihat sebagai satu *political games* untuk menggambarkan imej organisasi itu sendiri sama ada ia cenderung kepada komunis atau sebaliknya.⁵⁷

KESIMPULAN

Gerakan MF menekankan kepentingan intelektual dan wacana politik dalam struktur kepimpinannya. Di peringkat awal penubuhannya sekitar tahun 1949 sehingga 1953, MF boleh dianggap organisasi pelajar terawal yang menerapkan idealisme *school of thought* politik moden berteraskan sosialis demokrasi dalam kalangan pelajar-pelajar Tanah Melayu melalui pengalaman mereka secara langsung dengan beberapa pihak daripada Parti Buruh dan *Fabian Society*. Keterbukaan MF di peringkat awal merupakan kesan daripada kesedaran pelajar-pelajar Tanah Melayu di England tentang pembentukan negara merdeka berasaskan pemupukan nilai demokrasi dan keadilan kelas. MF cuba membawa dimensi baru dalam pemikiran nasionalisme di Tanah Melayu yang tidak lagi berpaksikan kepada politik parokial tetapi menumpukan kepada pembangunan negara daripada semua sudut struktur fungsinya sama ada aspek kesejahteraan politik, ekonomi dan sosial. MF dianggap sebagai organisasi

pelajar yang mengangkat isu-isu nasional dalam kerangka politik sivil tanpa mengira sentimen kaum dan agama. Usaha ini dilihat sebagai proses awal dalam menyediakan Tanah Melayu ke arah negara berkerajaan sendiri dan merdeka yang mempunyai nilai-nilai majmuk yang tinggi.

Dari sudut yang lain, potensi yang ada pada MF menarik perhatian banyak pihak termasuklah pendukung aliran komunis seperti Lim Hong Bee untuk dijadikan platform politik aliran komunisme. MF cuba dimanipulasikan sebagai organisasi yang mempromosikan pemikiran komunisme dalam kalangan ahli-ahlinya. Kerajaan British melalui Pejabat Tanah Jajahan menyedari hal ini dan menganggap penglibatan Lim Hong Bee di peringkat awal secara tidak langsung mampu mempengaruhi idealisme serta gerak kerja MF. Dalam keadaan ini, aktiviti MF sentiasa dipantau kerajaan British bagi memastikan pengaruh komunisme tidak mendominasi organisasi tersebut dan memberi kesan terhadap perkembangan nasionalisme di Tanah Melayu. *Weltaschuung* MF dirumuskan sebagai futuristik dalam zamannya sehinggakan organisasi ini dilihat terlalu *ambitious* dan menimbulkan polemik dari sudut aliran dan pendekatan perjuangannya. Idealismenya yang memberi penekanan kepada partisipasi pelajar-pelajar Tanah Melayu dalam wacana nasionalisme dan isu-isu sivil tanpa halangan-halangan khusus seperti batasan-batasan aliran dan kaum menyebabkan MF gagal difahami sebagai institusi *public discourse* oleh kerajaan British. Hal ini yang menjadikan MF sebagai organisasi yang membahayakan dan radikal oleh British. Malah pengaruh MF dikatakan perintis kepada penubuhan Kelab Sosialis Universiti Malaya (KSUM) yang dianggap ‘cabang Malayan Forum’ di Singapura oleh British.

Nota

¹ Dalam makalah ini, terma Tanah Melayu juga merujuk kepada Semenanjung Tanah Melayu dan Singapura. Tempoh masa kajian meliputi dari tahun 1949 sehingga 1952 dan memfokuskan dari sudut aspek persaingan aliran di peringkat awal penubuhan *Malayan Forum*.

² Meredith L. Weiss, *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Slideshow*, NUS Press, Singapore, 2011, hlm. 52.

³ Yeo Kim Wah, Student Politics in University of Malaya, 1949-1951, *Journal of Southeast Asian Studies*, 23 (2), 1992, hlm. 347.

⁴ Yeo Kim Wah, Joining The Communist Underground: The Conversion of English-Educated Radicals to Communism in Singapore, June 1948-January 1951, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, 67 (1), 1994, hlm. 29-59; Yeo Kim Wah, Student Politics in University of Malaya, 1949-1951, *Journal of Southeast Asian Studies*, 23 (2), 1992, hlm. 321.

⁵ Meredith L. Weiss, *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Slideshow*, NUS Press, Singapore, 2011, hlm. 40-42.

⁶ Ibid, hlm. 47.

⁷ Ahamad Jama' Amin Yang, Hubungkait dalam Kebangkitan Politik Melayu dan Pengaruh Sosialis di Tanah Melayu, 1937-1948, *In-House Seminar: Revisiting Malaysia History*, Vol. II (1), 2017, hlm. 22-23.

⁸ Philip Hoalim Sr merupakan bapa kepada Philip Hoalim Jr. Beliau juga dikenali sebagai jutawan dan ahli perniagaan berjaya.

⁹ FCO 141/15957, Singapore: Malayan Security Service (MSS) Committe weekly summaries; Singapore Local Intelligents reports.

¹⁰ *Labour Party Speaker's Handbook, 1948-1949*, London, British Labour Party, 1948, hlm. 143-145.

¹¹ *Some of my friends from Raffles College were politically active. Among them were Goh Keng Swee, my former economic tutor, who was taking a first degree BSc at the LSE, and Toh Chin Chye, who was doing a BSc in physiology at London University. They and a few others had formed a group called Malayan Forum [...] (Lee Kuan Yew, The Singapore Story, Memoirs of Lee Kuan Yew, Time Editions, Singapore, 1998, hlm. 121).*

- 12 CO 717/193/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal; CO 1022/196, Activities of The Malayan Forum and The Publications “Suara Merdeka”; CO 1022/197, Political Activities among Malayan Students in the United Kingdom.
- 13 Secara tidak rasmi telah diadakan perbincangan terlebih dahulu antara Maurice Baker dan Abdul Razak Hussein untuk membincangkan soal tersebut. Namun bagi mendapatkan ruang pandangan yang lebih luas dari pelbagai sudut, beberapa pemimpin pelajar dilibatkan terdiri daripada latar belakang pendidikan, kaum, agama dan pengalaman yang berbeza.
 [...] Razak and I, running joint activities and so on. Then one day were on a bus and we were chatting. We found that the students were devoted almost entirely to their studies. They have very little political interest, in spite of all our experiences under Japanese. Some of the more frivolous ones wasted their time just having a good time pleasure seeking. But mostly, studying very hard. He and I thought that we should start something a little different from the Unions (Lihat Maurice Baker, Political History in Singapore, 1945-1965, Oral Transcript Interview, 14 April 1993, National Archives of Singapore).
- 14 Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 April 1993; Maurice Baker, *The Accidental Diplomat: The Autobiography of Maurice Baker*, World Scientific Publishing, Singapore, 2015, hlm. 64-65; Kevin Y. L. Tan, Goh Keng Swee in Politics and Parliament, in *Goh Keng Swee: A Legacy of Public Service*, World Scientific Publishing, Singapore, 2012, hlm. 76-77; Ooi Kee Beng, *In Lieu of Ideology: An Intellectual Biography of Goh Keng Swee*, ISEAS Publishing, Singapore, 2010, hlm. 54.
- 15 Note on Mohamed Sophe and the Pan-Malayan Labour Party, CO 1022/197, Political Activities among Malayan Students in the United Kingdom.
- 16 Abdul Razak Hussein amat dihormati dan dikagumi oleh pelajar-pelajar Tanah Melayu dan Singapura di United Kingdom. Walaupun beliau berasal daripada keluarga bangsawan, pemikiran dan pendekatan sosialnya berbeza berbanding pelajar-pelajar bangsawan yang lain. Menurut Maurice Baker, “[...] But Razak, who was a very kind man [...] A very good friend of mine and a really nice chap. You know, some of us are idealists. They really cared for these people, not self-centred. He is one of those. I have always admired him” (Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 April 1993).
- 17 Tan Siok Sun, *Goh Keng Swee: A Portrait*, Editions Didier Millet, Singapore, 2007, hlm. 27-29 dan 34-38.
- 18 Lee Kuan Yew, 1998, hlm. 121.
- 19 Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993.
- 20 T.N Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya*, Cambridge University Press, Cambridge, 1999, hlm. 55-83.
- 21 Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993.
- 22 Penglibatan Abdul Razak Hussein dalam MF tidak begitu lama. Pada pandangan penulis, tempoh masa beliau terlibat secara langsung dalam MF tidak melebihi sepuluh bulan dari tarikh penubuhannya iaitu November 1949. Ini kerana dalam sumber-sumber umum, beliau direkodkan telah berjaya menamatkan pengajiannya dalam bidang perundangan di *Lincoln's Inn* pada 3 Mei 1950 dan kemudian mengambil kursus pendek dalam bidang ekonomi dan pentadbiran di Universiti Cambridge. Beliau berkhidmat dalam perkhidmatan awam awal tahun 1951 sebagai Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (Lihat Rozeman Abu Hassan, *Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein: Dasar Luar Malaysia 1970-1976*, Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, 2003, hlm 25; *Biografi Allahyarham Tun Abdul Razak*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 1982, hlm. 7).
- 23 Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993.
- 24 Constitution of the Malayan Forum, CO 1022/196, Activities of The Malayan Forum and The Publication “Suara Merdeka”.
- 25 Suara Merdeka (Voice of Freedom), Journal of the Malayan Forum vol. 1. No. 1, November 1950, CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.
- 26 Suara Merdeka (Voice of Freedom), Journal of the Malayan Forum vol. 1. No. 1, November 1950, CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.
- 27 Edwin Lee, *Singapore: The Unexpected Nation*, Institute of Southeast Asian Studies, Singapore, 2008, hlm. 59.
- 28 Ahamad Jama' Amin Yang, Aliran Fabian dalam Gerakan Politik di Malaysia (1952-1970): Suatu Tinjauan Awal daripada Perspektif Sejarah, *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ-SSH)*, 1 (2), April 2016, hlm. 67-77.

29 Yeo Kim Wah, *Joining the Communist Underground: The Conversion of English educated Radicals to Communism in Singapore, June 1948-Januari 1951*, *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 67 (1), 1994, hlm. 54-58.

30 Berdasarkan rekod British, Lim Hong Bee mempunyai hubungan yang rapat dengan beberapa aktor Parti Komunis British di London. Lim Hong Bee telah menubuhkan *News and Information Bureau* melalui bantuan Neil Stewart (Setiausaha Jawatan kuasa Timur Jauh, Parti Komunis British), John Lorimer Eyre dan Sydney Herbert Cox (Lihat MSS/PIJ/1/1948, FCO 141/15672, Singapore: Malayan Security Service (MSS) Political Intelligences Journals, 1948).

31 Berdasarkan penelitian Yeo Kim Wah, beliau menyenaraikan empat nama ahli ABL yang berada di England dan beroperasi dari London membantu sahabat-sahabat mereka di Singapura. Nama-nama tersebut adalah Lim Kean Chye, Nellie Ohh (Gladys Lim), Un Hon Kuan dan Dr Maggie Lim (isteri Lim Hong Bee). Namun begitu, dalam tulisannya beliau tidak begitu jelas penglibatan Dr Maggie Lim dalam ABL, tetapi ada direkodkan dalam sumber British. Bagaimanapun, beliau percaya keempat-empat mereka banyak membantu Lim Hong Bee termasuklah mempengaruhi pelajar-pelajar Tanah Melayu di United Kingdom (Yeo Kim Wah, 1994, hlm. 58). Berkaitan pengaruh komunis dan kaitannya dengan ABL serta Lim Hong Bee, rekod awal British menjelaskan, "*Danger of this group intellectual was in its propaganda activities and a typical example of their class is Lim Hong Bee of Malayan Monitor frame who is now in London. He is the husband of detained lady doctor. Their contact with MCP Headquarters was Secretary of the Town Committee of MCP himself who was arrested in December last (1950)*" (Inward Telegram to the Secretary of State for the Colonies, 11/01/1951, CO 717/202/7, Communism: Anti British League: arrests).

32 CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.

33 Yeo Kim Wah, 1994, hlm. 57.

34 Bagaimanapun dalam makalah ini penulis tidak membincangkan penglibatan dan peranan John Eber secara khusus. Ini kerana penumpuan penulis lebih memfokuskan peringkat awal MF beroperasi iaitu sekitar tahun 1949 sehingga 1952 dan bagaimana Lim Hong Bee cuba menggunakan pengaruhnya dalam usaha mendominasi organisasi tersebut sebagai platform politik barunya.

35 Malayan Forum, CO 1022/196, Activities of the Malayan Forum and the Publication "Suara Merdeka".

36 Pengaruh Lim Hong Bee dianggap cukup kuat sehinggakan dalam Mesyuarat Jawatan kuasa Eksekutif, *International Union of Students (IUS)* di Beijing, beliau satu-satunya rakyat Tanah Melayu yang diberi penghormatan mewakili Pelajar-Pelajar Tanah Melayu di United Kingdom menyampaikan ucapan. Beliau mewakili Tanah Melayu atas kapasiti wakil *Democratic Malayan Students in London* dan *Malayan New Democratic Youth League* (Lihat Executive Committee Meeting, Peking, April 26-30 1951, Report by John Clews, 24/05/ 1951, CO 1022/146, Communist Propaganda in the Malaya Press in the London paper "Malayan Monitor", edited by H. Lin Lim).

37 Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993.

38 Menurut Maurice Baker; "*We were not in least political in the sense about this particular trip. We thought of it as a very cheap trip to see Europe. Went by boat to France, spent a day or two in Paris and then by train across the continent to Budapest*" (Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993).

39 Maklumat ini diperolehi berdasarkan kenyataan temubual antara Yeoh Kim Wah-Maurice Baker (Lihat Yeo Kim Wah, 1994, hlm. 55).

40 Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993.

41 Letter From John D. Higham, Colonial Officer to Sir Franklin Gimson, Governor of Singapore, 16/07/1951, CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.

42 Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993

43 Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993.

44 Minutes, Home Office Monthly Bulletin for June 1953, CO 1022/196, Activities of the Malayan Forum and the Publication "Suara Merdeka".

45 CO 537/4782, Political Developments: Lim Hong Bee and "The Malayan Monitor"; CO 537/7295, Political Developments: Lim Hong Bee, editor of the Malayan Monitor; application for Federal Citizenship.

46 Maurice Baker, Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993.

-
- 47 Minutes, Home Office Monthly Bulletin for June 1953, CO 1022/196, Activities of the Malayan Forum and the Publication "Suara Merdeka".
- 48 The Fight Against Communism by Omar Salleh, Suara Merdeka vol. 1, no. 2, Disember 1950, CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.
- 49 Letter Sir Fanklin Gimson, Governor of Singapore to John D. Higham, Colonial Officer, 22/08/1951, CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.
- 50 Letter From J.L. Keith to Mr. Green, 27/06/1951, CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.
- 51 Dalam hal ini, Pejabat Tanah Jajahan melalui J.L. Keith meminta pegawai-pegawainya yang berkaitan supaya menghubungi Wyatt dalam usaha mendapatkan maklumat dan memahami bentuk pemikiran serta tindakan berfikir pemimpin-pemimpin kanan MF (Lihat Letter From J.L. Keith to Mr. Minnit, 29/8/1951, CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal).
- 52 Letter From John D. Higham to Mr. Scarlett, 14/01/1951, CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.
- 53 Letter From John D. Highman to Mr. Scarlett, 14/01/1951, CO 717/913/3, Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.
- 54 Letter From Peter Simthers, M.P to Sir Oliver Lyttelton, Secretary of State for Colonies, 10/03/1952, CO 1022/146, Communist Propaganda in the Malaya Press in the London paper "Malayan Monitor", edited by H. Lin Lim.
- 55 Letter From Peter Simthers, M.P to Sir Oliver Lyttelton, Secretary of State for Colonies, 10/03/1952, CO 1022/146, Communist Propaganda in the Malaya Press in the London paper "Malayan Monitor", edited by H. Lin Lim.
- 56 Letter From Sir Oliver Lyttelton, Secretary of State for Colonies to Peter Smithers, M.P, 18/03/1952, CO 1022/146, Communist Propaganda in the Malaya Press in the London paper "Malayan Monitor", edited by H. Lin Lim.
- 57 Stephen Howe, *Anticolonialism in British Politics: The Left and the End of Empire, 1918-1964*, 1993, hlm. 214.

RUJUKAN

- Ahamad Jama' Amin Yang. 2017. Hubungkait dalam Kebangkitan Politik Melayu dan Pengaruh Sosialis di Tanah Melayu, 1937-1948. *In-House Seminar: Revisiting Malaysia History*. II (1), 15-30.
- Ahamad Jama' Amin Yang. 2016. Aliran Fabian dalam Gerakan Politik di Malaysia (1952-1970): Suatu Tinjauan Awal daripada Perspektif Sejarah. "*Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJ-SSH)*". 1 (2), 67-77.
- Asad-ul Iqbal Latif. 2015. *The Life and Times of Gerald de Cruz*. Singapore: ISEAS Publishing.
- Baker, Maurice. 2015. *The Accidental Diplomat: The Autobiography of Maurice Baker*, Singapore: World Scientific Publishing.
- Baker, Maurice. 1945-1965. Political History in Singapore. Oral Transcript Interview, 14 & 17 April 1993, National Archives of Singapore.
- Biografi Allahyarham Tun Abdul Razak*. 1982. Katalog Bahan-Bahan Memorial Tun Abdul Razak, Kuala Lumpur: Arkib Negara Malaysia.
- Chew, Emrys & Chong, Guan Kwa. (ed). 2012. *Goh Keng Swee: A Legacy of Public Service*, Singapore: World Scientific Publishing
- CO 1022/146. 1952. Communist Propaganda in the Malaya Press in the London paper "Malayan Monitor", edited by H. Lin Lim.
- CO 1022/196. 1953. Activities of the Malayan Forum and the Publication "Suara Merdeka".
- CO 1022/197. 1953. Political Activities among Malayan Students in the United Kingdom.
- CO 537/4782. 1949. Political Developments: Lim Hong Bee and "The Malayan Monitor".
- CO 537/7295. 1951. Political Developments: Lim Hong Bee, editor of the Malayan Monitor; application for Federal Citizenship.
- CO 717/202/7. 1951. Communism: Anti British League: arrests.
- CO 717/913/3. 1955. Voice of Freedom (Suara Merdeka): London Malaya Students Journal.
- Drysdale, John. 1984. *Singapore: Struggle For Success*, Singapore: Times Books International.
- FCO 141/15672. 1948. Singapore: Malayan Security Service (MSS) Political Intelligence Journals, 1948.
- FCO 141/15957. 1948. Singapore: Malayan Security Service (MSS) Committee weekly summaries; Singapore Local Intelligents reports, 1948.
- Harper, T.N. 1999. *The End of Empire and The Making of Malaya*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Howe, Stephen. 1993. *Anticolonialism in British Politics: The Left and the End of Empire, 1918-1964*, New York: Oxford University Press.
- Labour Party Speaker's Handbook, 1948-1949*. 1948, London: British Labour Party.
- Lau, Albert. 2005. Nation-building and the Singapore Story: Some Issues in the Study of Contemporary Singapore History, In *Nation-building: Five Southeast Asian Histories*, edited by Wang Gungwu, 221-250. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Lee, Edwin. 2008. *Singapore: The Unexpected Nation, Singapore*. Singapore: ISEAS.
- Lee, Kuan Yew. 1998. *The Singapore Story, Memoirs of Lee Kuan Yew*. Singapore: Time Editions.
- Ooi, Kee Beng. 2010. *In Lieu of Ideology: An Intellectual Biography of Goh Keng*. Singapore: ISEAS.
- Rozeman Abu Hassan. 2003. *Tun Abdul Razak Bin Dato' Hussein: Dasar Luar Malaysia 1970-1976*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Tan, Siok Sun. 2007. *Goh Keng Swee: A Portrait*. Singapore: Editions Didier Millet.

- Weiss, Meredith, L. 2011. *Student Activism in Malaysia: Crucible, Mirror, Slideshow*. Singapore: NUS Press.
- Yeo, Kim Wah. 1994, Joining the Communist Underground: The Conversion of English-educated Radicals to Communism in Singapore. “*Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*”. 67 (1): 35-52.
- Yeo, Kim Wah. 1992, Student Politics in University of Malaya, 1949-1951. “*Journal of Southeast Asian Studies*”. 23 (2): 346-380.

Published online: 29 October 2019